

Fasa Kedua Dikaji Semula

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji semula fasa kedua Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), berikutan kos penambahbaikan yang tinggi sekitar RM5.9 bilion.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, pelaksanaannya juga mengambil masa tujuh tahun."Memang kerajaan baharu tidak setuju dengan kos tersebut. Kita akan bawa balik ke Kabinet untuk dikaji semula.

"Ini sesuatu yang Kementerian Pengangkutan tidak akan bersetuju. Kita tidak boleh ambil masa tujuh tahun dan pengguna komuter terpaksa menghadapi kelewatian ini sekiranya projek ini dimulakan," katanya pada sidang media selepas menghadiri taklimat selama 90 minit oleh pengurusan KTMB, di sini, semalam.

Menurutnya, keseluruhan fasa kedua projek melibatkan jarak 110km dari Kuala Lumpur ke Klang, Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Klang menelan belanja kira-kira RM53 juta untuk setiap Kilometer - Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 11 | 12 JUN 2018